

Perjuangan Pekida mesti berasaskan lima tonggak

MM: 8/7/2007

MUAR 7 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak mahu ahli Pertubuhan Kebajikan dan Dakwah Islamiah Malaysia (Pekida) melaksanakan lima tonggak bagi membolehkannya muncul sebagai persatuan yang berjaya pada masa depan.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, lima tonggak itu ialah mengutamakan pendidikan dan menguasai ilmu; meningkatkan tahap ekonomi yang lebih baik;

membanteras gejala sosial; melaksanakan kebajikan untuk semua dan memperkuatkan perpaduan di kalangan masyarakat.

Beliau yang juga Penasihat Kehormat Pekida berkata, kelima-lima tonggak itu perlu menjadi asas kepada anggota Pekida dalam menggerakkan aktiviti dan program pertubuhan itu.

"Jika kelima-lima asas ini dilaksanakan,

saya yakin perubahan akan berlaku dan hasrat untuk menjayakan Misi Nasional, pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Wawasan 2020 akan tercapai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Karnival Ukhuwah, Pemimpin Negara Bersama Keluarga Pekida Malaysia 2007 di Dataran Ledang, Tangkak, dekat sini hari ini.

Majlis anjuran Pekida Johor itu berlangsung selama tiga hari mulai semalam dan ia menghimpunkan lebih 1,000 ahli pertubuhan itu menerusi pelbagai atur cara yang disediakan.

Turut hadir Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Abdul Latiff Yusof dan Pemangku Presiden Pekida, Jamaluddin Mohd. Yusof.